

PERANAN PERISTIWA PENCETUS DALAM KAJIAN-KAJIAN PEMBELAJARAN TRANSFORMATIF

Wong Ka Mei, Mohd Azhar Abd Hamid*, Muhammed Fauzi bin Othman

^a*Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusian, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia*

wongkamei33@gmail.com, m-azhar@utm.my*, mohdfaizi68@yahoo.com

Received: 1 June 2020

Received in revised form: 31 November 2020

Accepted: 10 Disember 2020

Published : 15 Disember 2020

Abstrak

Pada era ini, peristiwa pencetus semakin penting dan diberi perhatian dalam kajian-kajian transformatif. Persoalannya, bagaimana elemen peristiwa pencetus memainkan peranan penting dalam pembelajaran transformatif? Pembelajaran transformatif tidak akan berlaku tanpa elemen peristiwa pencetus. Justeru, peristiwa pencetus sangat penting dan memberi makna yang mendalam kepada individu untuk mengubah perspektif makna dalam pelbagai konteks kehidupan seperti hidup dalam kesengsaraan dan kegelisahan. Dalam konteks ini, pembelajaran transformasi dapat meningkatkan kualiti hidup. Peristiwa pencetus adalah salah satu penyumbang penting dalam pembelajaran transformasi seperti dalam isu seperti kehilangan pekerjaan atau pasangan, perubahan tempat tinggal, tamat pengajian dan perubahan tingkah laku. Justeru, artikel ini memberi tumpuan terhadap fungsi dan bila situasi berlakunya peristiwa pencetus dalam kajian pembelajaran transformatif. Metodologi yang digunakan untuk mencapai objektif kajian adalah dengan menggunakan analisis kandungan. Pengkaji mengumpulkan tema-tema yang sama. Seterusnya, membuat sintesis, cadangan dan rumusan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa peranan peristiwa pencetus dalam konteks manfaat pembelajaran transformatif masih belum dibincangkan secara komprehensif. Keadaan ini telah memberi kesedaran kepada pengkaji untuk penyelidikan lebih lanjut. Penyelidik masa depan disarankan untuk memberikan konsistensi penemuan mengenai elemen peristiwa pencetus dalam kajian pembelajaran transformatif.

Abstract

In this era, the learning of transformation has been an integral part of everyday life. The question is, how do the elements of trigger events play an important role in transformative learning? Transformative learning would not have been possible without the trigger event element. Thus, triggering events are very important and give the individual a deeper meaning to change the perspective of meaning in various contexts of life such as living in misery. In this context, transformational learning can improve the quality of life. Therefore, it is very important to look for factors that enhance transformational learning. Trigger events are recognized as one of the important contributors to transformational learning. Trigger events like job loss or spouse, change of residence, graduation and behavior change. Thus, this article focuses on the roles and situation of trigger events in transformative learning studies. The methodology used to achieve the research objective is to use content analysis. Researchers put together the same themes. Next, make synthesis, suggestions and formulas. The findings show that the researchers in the previous study did not study the triggering events in detail. The inconsistency has given the researcher a chance to further research. Future researchers are

encouraged to provide consistent findings on the elements of trigger events in transformative learning studies.

Kata kunci: Pembelajaran Transformasi, Peristiwa pencetus, Kertas Ulasan

© 2020 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■ 1.0 PENGENALAN

Artikel ini bertajuk peranan peristiwa pencetus dalam kajian-kajian pembelajaran transformatif. Secara umumnya, setiap individu mengalami peristiwa pencetus dalam kehidupannya. Peristiwa pencetus boleh membawa kesan baik dan buruk kepada individu. Justeru, artikel ini bertujuan untuk meneliti peranan serta fungsi bilakah peristiwa pencetus berlaku dalam kajian-ajian pembelajaran transformatif dengan lebih mendalam.

Latar Belakang Kajian

Peristiwa pencetus merupakan titik tolak kepada individu untuk melakukan refleksi kritikal. Individu yang ingin keluar daripada permasalahan akan berusaha untuk menukar peristiwa yang sedih kepada peristiwa yang menggembirakan. Oleh itu, pembelajaran transformasi amat bergantung kepada peristiwa pencetus dan tanpa peristiwa pencetus kajian menunjukkan bahawa perubahan kepada diri individu tidak akan berlaku (Abu Hassan, N., & Abd. Hamid, M. A. (2017). Namun, proses perubahan tersebut memerlukan masa yang lama. Peristiwa pencetus yang lazim dialami oleh individu seperti peristiwa sedih seperti kematian, kemalangan, krisis ekonomi, perceraian, perkahwinan, sakit kronik, diberhentikan kerja, menjadi muflis, kebakaran rumah dan bencana alam boleh membawa kesan buruk dan baik kepada individu. Justeru, artikel ini akan membincangkan fungsi dan situasi bilakah berlakunya peristiwa pencetus dalam kajian-kajian pembelajaran transformatif. Pada akhirnya, individu akan menjadi lebih baik baik dari segi emosi, kognisi dan tingkahlaku setelah berjaya melakukan transformasi total. Menurut menurut Sholihin (2019), pembelajaran transformasi mampu meningkatkan pengetahuan, mentransformasi pemikiran dan sikap. Hal ini menunjukkan bahawa peranan peristiwa pencetus mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembangunan diri individu.

Penyataan Masalah

Setiap individu akan menghadapi masalah dalam kehidupannya. Apabila individu menghadapi masalah dan cabaran, individu akan cuba berfikir dan mencari alternatif untuk mengatasinya (Pung et.al, 2020). Untuk memperoleh jalan penyelesaian yang lebih baik, adalah penting bagi seseorang individu memfokuskan aspek peristiwa pencetus (Nusantara, W., & Moedzakir, M., 2015). Peristiwa pencetus seperti pelbagai kejadian yang menyakitkan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku, persepsi dan tindakan individu. Pada akhirnya peristiwa pencetus akan memberi kesan yang positif kepada Individu bagi membina sikap, tabiat dan tingkah laku yang lebih positif (Pung et.al, 2020). Seterusnya, pembelajaran transformasi dikenali sebagai salah satu faktor yang dapat menyumbang kepada kemajuan individu (Toarniczky et.al, 2019). Secara umumnya, pembelajaran transformasi boleh berlaku pada peringkat individu, komuniti dan struktur (Toarniczky et.al, 2019). Selain itu, kajian Ramanath (2016) mendapati peristiwa pencetus seperti usia, status perkahwinan, pengalaman kerja masa lalu, pendidikan, etnik dan agama membantu pembelajaran transformasi khususnya dalam kalangan wanita. Menurut beliau, peristiwa pencetus tersebut mendorong wanita kembali kepada kehidupan mereka dalam persekitaran baru yang lebih baik daripada sebelumnya. Dalam hal ini, peristiwa pencetus dapat membentuk sikap individu yang berdikari untuk memahami perubahan dalam penilaian positif tanpa bergantung kepada orang lain.

Secara umumnya, setiap individu perlu mengenal pasti situasi bilakah berlakunya peristiwa pencetus. Peristiwa pencetus berlaku dalam situasi seperti keselesaan atau ketidakselesaan guru ketika mengajar di dalam bilik darjah. Antaranya, situasi tenang, gembira, marah, sedih dan takut. Kajian Mesker

et.al (2018) mendapatkan ketidakselesaan di dalam bilik darjah menghalang pembelajaran transformasi guru. Kajian mengenai peristiwa pencetus yang berlaku di dalam bilik darjah ini tidak selari dengan Toarniczky, et.al (2019). Kajian Toarniczky, et.al (2019) menunjukkan bahawa dilema yang sukar membentuk hubungan dinamik antara pelajar, fakulti dan institusi. Kajian Putri (2016) mendapatkan individu yang telah mengalami dan melalui situasi peristiwa pencetus akan mendorong pembelajaran transformasi berkesan. Oleh itu, peristiwa pencetus memainkan peranan penting dalam pembelajaran transformasi individu.

Walau bagaimanapun, kajian lepas kurang memberi tumpuan terhadap peranan dan fungsi peristiwa pencetus dalam konteks pembelajaran transformasi (Grobe & Olausson, 2019). Roth (2015) menyokong pendapat Grobe & Olausson (2019) dengan menyatakan bahawa kajian-kajian lepas lebih tertumpu dalam aspek pengajaran atau pembelajaran. Justeru, lebih banyak penyelidikan diperlukan khususnya dalam aspek peristiwa pencetus kerana ia merupakan salah satu daripada elemen terpenting dalam pebelajaran transformatif (Abu Hassan, N., & Abd. Hamid, M. A. (2017). Justeru itu, penulisan ulasan sistematik kajian lepas ini bertujuan untuk mengkaji peranan dan fungsi peristiwa pencetus dalam kajian pembelajaran transformatif antara tahun 2015 hingga tahun 2020.

Objektif Kajian

Objektif artikel sistematik literatur review ini bertujuan untuk;

- i. membincangkan fungsi peristiwa pencetus dalam kajian- kajian pembelajaran transformatif sejak tahun 2015 hingga 2020 dan
- ii. membincangkan situasi peristiwa pencetus berlaku dalam proses pembelajaran transformative.

■ 2.0 KAJIAN LITERATUR

Peristiwa Pencetus

Peranan merujuk kepada watak dan tugas yang dilakukan untuk menjayakan sesuatu. Ia bermaksud ‘bahagian yang dipegang’ manakala ‘fungsi’ adalah ‘tugas’ atau ‘jawatan’. Individu akan menilai semula realiti hidupnya yang telah dilalui, sedang mengalami dan akan dihadapi setelah berlaku krisis yang besar dalam kehidupannya (Mezirow, 1991). Skema ialah individu menetapkan kehidupannya mengikut peraturan. Skema makna membolehkan reaksi emosi, sikap dan kepercayaan berlaku terhadap individu pada setiap hari (Mezirow, 1991). ‘Peristiwa’ membawa maksud ‘sesuatu hal, kejadian, pengalaman, insidens, kes atau perkara yang benar- benar berlaku’. Peristiwa pencetus berlaku dalam dua keadaan iaitu secara mengejut dan peristiwa terintegrasi (Mezirow, 1991). Peristiwa yang telah berlaku memberikan pengajaran kepada individu. Justeru, peristiwa (event) merupakan perkakas yang membolehkan individu mengolah idea untuk membentuk pemikiran. Individu akan melakukan perubahan terhadap fizikal, psikologi, emosi dan mengambil keputusan untuk melaksanakan perubahan positif untuk masa hadapan apabila berlakunya sesuatu peristiwa pencetus (Mezirow, 1978). Perubahan struktur makna membantu individu untuk membuat pilihan sama ada melakukan perubahan atau sebaliknya (Mezirow, 1991). Justeru, perkataan pencetus merujuk kepada sesuatu yang mencetuskan. Berdasarkan huraian di atas, peristiwa pencetus adalah keadaan yang mana berlakunya suatu peristiwa yang menyebabkan individu melakukan refleksi dan mengubah cara berfikir yang baru dan sesuai dengan konteks yang diinginkan oleh individu dan situasinya. Peristiwa pencetus menjadi titik tolak untuk individu melakukan transformasi perspektif dalam kehidupan (Mezirow, 2000)

Fungsi peristiwa pencetus adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran (Mezirow, 1978; Gromark, 2019; Thomas & Dommermuth, 2020; Toarniczky et.al, 2019; Djajadi, 2015; Butani et.al, 2017; Grobe et.al, 2019; Pung et.al, 2020). Persitiwa pencetus juga berfungsi untuk memajukan diri untuk mencapai matlamat hidup (Finch et.al, 2015; Rapanta & Badran, 2016; Mezirow, 1977; Ramanath, 2016). Selain itu, mengubah tindak balas emosi individu (Abu Hassan, N., & Abd. Hamid, M. A., 2017; Hall & Mitchell, 2017; Weaver et.al, 2020; Thomas & Dommermuth, 2020; Ulusory, 2016; Pung et.al, 2020; Fu et.al, 2015). Seterusnya, mengubah pemikiran individu (Gosnell et.al, 2019; Abu Hassan, N., & Abd. Hamid, M. A, 2017; Nusantara, W., & Moedzakir, M., 2015). Peristiwa pencetus pula merujuk kepada sesuatu hal,

kejadian, pengalaman, insidens, kes atau perkara yang benar-benar berlaku untuk memberikan pengajaran kepada individu seperti membentuk pemikiran dan mencetuskan idea baru. Peristiwa pencetus boleh berlaku melalui kecelakaan kritikal, kematian, sakit kronik, diberhentikan oleh majikan, perbincangan, buku, lukisan atau sajak (Mezirow, 1991).

Dalam kehidupan sehari-hari, individu mengalami peristiwa pencetus seperti kematian dan kesedihan. Menurut Mezirow (1997), peristiwa pencetus seperti kehilangan pekerjaan atau pasangan, perubahan tempat tinggal, tamat pengajian dan perubahan tingkah laku menyebabkan berlakunya transformasi individu. Beliau menegaskan bahawa analisis kritikal membawa kesan dan implikasi yang mendalam kepada individu. Setiap individu mempunyai matlamat hidup yang berlainan dari aspek pembangunan intelektual, kognitif dan tindakan sosial (Mezirow, 1985). Justeru, analisis kritikal membantu individu menyedari pandangan, mengambil tindakan dan keputusan sewajarnya. Mezirow (1981) menyatakan bahawa terdapat dua jenis pemantulan. Pertama, pemantulan afektif wujud ketika individu sedar bahawa cara melihat, merenung dan bertindak. Kedua, pemantulan diskriminasi berlaku apabila individu menilai keberkesanan tindakannya. Pemantulan merujuk kepada proses atau perbuatan memantul atau berbalik kembali. Istilah diskriminasi bermaksud perlakuan membeza-bezakan sesuatu hal. Justeru, pemantulan diskriminasi membawa maksud proses berbalik kembali perlakuan membeza-bezakan sesuatu hal. Ini bermakna individu tidak dapat mengatasi peristiwa pencetus yang mengelirukan dalam kehidupan individu dengan cara yang biasa (Mezirow, 1978). Pada akhirnya, individu melaksanakan refleksi kecenderungan untuk bertindak. Refleksi kecenderungan merangkumi pendapat, pemikiran dan tindakan dari segi suka atau tidak suka (Mezirow, 1981). Oleh itu, peristiwa pencetus menjadi asas kepada refleksi kritikal dalam membantu individu mengambil tindakan untuk mencapai matlamat hidup (Mezirow, 1992).

Peristiwa pencetus memainkan peranan penting dalam pembelajaran transformasi individu. Kajian Abu Hassan & Abdul Hamid (2017) mendapati peristiwa pencetus memainkan peranan penting dalam pembelajaran transformasi bekas penagih dadah dan kembali kepada fitrah. Menurut Mezirow (1977), dilema berlaku dalam kehidupan individu. Dilema kehidupan yang sukar dan membebankan mencetuskan transformasi dalam perspektif makna (Mezirow, 1978). Seterusnya, individu menambahkan pengetahuan dan kemahiran untuk menyelesaikan dilema yang sukar (Mezirow, 1978). Kajian Gromark (2019) selari dengan pendapat Mezirow (1978). Gromark (2019) menegaskan bahawa perlawanan dan konflik merupakan syarat semula jadi untuk pembelajaran transformasi dan mengubah identiti individu. Namun, kajian Thomas & Dommermuth (2020) memfokuskan peristiwa pencetus dalam keluarga. Mereka menyatakan bahawa para penyelidik telah lama menumpukan kepentingan peristiwa keluarga dalam rumah tangga sebagai pencetus perpindahan. Ini menunjukkan bahawa peristiwa individu dan keluarga memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia.

Selanjutnya, fungsi peristiwa pencetus adalah untuk memajukan diri supaya mencapai matlamat hidup individu. Kajian Finch et.al (2015) menunjukkan orientasi matlamat pelajar penting untuk meramalkan tindak balas emosi dan peraturan demi mencapai prestasi dalam persekitaran pembelajaran. Kajian Finch et.al (2015) selaras dengan kajian Rapanta & Badran (2016). Mereka menyatakan bahawa peristiwa pencetus yang baik dikenali sebagai salah satu prasyarat untuk memajukan diri. Menurut Rapanta & Badran (2016), peserta melihat perubahan dengan jelas dan menganggap diri mereka sebagai pemimpin. Kajian mereka berbeza dengan Mezirow (1977). Mezirow (1977) menegaskan dilema yang sukar membantu kemajuan individu. Namun, Finch et.al (2015) dan apanta & Badran (2016) memfokuskan peristiwa pencetus yang baik. Justeru, boleh dikatakan bahawa peristiwa pencetus yang positif dan baik serta situasi yang menyeronokkan juga mendorong perubahan pemikiran, sikap dan tingkah laku individu.

Selain itu, peristiwa pencetus berfungsi untuk mengubah tindak balas emosi individu. Kajian Hall & Mitchell (2017) menyatakan bahawa kaedah kreatif yang berbeza sebagai pencetus dalam pembelajaran. Mereka menyatakan bahawa bengkel interaktif yang kreatif telah menyumbangkan tindak balas emosi peserta. Kajian Hall & Mitchell (2017) disokong oleh Thomas & Dommermuth (2020). Thomas & Dommermuth (2020) menyatakan bahawa peningkatan keperluan sokongan berkait rapat dengan peristiwa dalam kehidupan. Ini menunjukkan peristiwa yang kreatif telah mencetuskan perubahan emosi individu.

Berbeza daripada kajian lain, kajian Guimaraes & Miguez (2020) mendapati peristiwa mencetuskan masalah kerugian kewangan. Pendapat Guimaraes & Miguez (2020) selari dengan Ristea et.al (2020). Menurut Ristea et.al (2020), acara sukan boleh mencetuskan tingkah laku ganas dan jenayah. Kajian Finch et.al (2015) sejajar dengan kajian Ristea et.al (2020). Finch et.al (2015) menegaskan bahawa pengalaman

berpasukan yang berkonsep saling bergantung dalam pembelajaran adalah pencetus emosi negatif. Ini bermakna apabila berlaku peristiwa pencetus, kegagalan akan meningkat. Hal ini menunjukkan bahawa peristiwa yang sukar tidak semestinya membawa perubahan positif. Secara ringkasnya, peristiwa pencetus memainkan peranan penting dalam pembelajaran transformasi individu. Dilema kehidupan yang sukar mendorong individu berubah untuk menyesuaikan diri dalam kehidupan yang baru. Oleh itu, kajian mengenai peranan peristiwa pencetus dalam pembelajaran transformasi individu perlu dikaji secara mendalam.

■ 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan sistematik literatur review melalui analisis kandungan (*content analysis*). Pengkaji menggunakan analisis kandungan (*content analysis*) untuk menganalisis data yang telah dikumpul. Analisis kandungan adalah sangat berguna untuk mencari pola idea dalam badan teks.

■ 4.0 ANALISIS DATA

Analisis Kandungan

Analisis kandungan (*content analysis*) mengurangkan data yang tidak perlu yang ada dalam artikel mengikut strategi analitik yang sesuai. Analisis kandungan juga membantu dalam mengenalpasti maklumat yang berguna. Oleh itu, prosedur yang betul perlu difahami ketika membuat analisis kandungan. Teknik analisis kandungan adalah untuk mengkaji data sekunder dalam penyelidikan. Analisis kandungan boleh digunakan untuk pelbagai sumber seperti dokumen kerajaan, pelan pembangunan komuniti, penilaian polisi, laporan surat khabar dan bahan-bahan media cetak. Analisis kandungan berdasarkan kepada penyelidikan yang menggunakan bahan arkib sebagai data. Analisis kandungan membolehkan data dianalisis berorientasikan proses, menjadikannya konduksif untuk menilai pelaksanaan dan penyelidikan masa depan (Silverman & Kelly. L, 2015).

Bagaimana analisis dilaksanakan dengan menggunakan analisis kandungan?

Proses dalam analisis kandungan perlu difahami untuk mengenal pasti maklumat yang berguna dan mengurangkan data yang tidak penting. Pengkaji menginterpretasikan data kepada maklumat yang berguna (mengenal pasti tema penting). Seterusnya, pengkaji bersandarkan proses deduktif (teori daripada literatur), menemukan dapatan kajian baru melalui proses induktif (data yang dikutip menghasilkan pengetahuan) untuk menambah baik kerangka konsep. Penyulingan (*distillations*) membantu pengkaji untuk mengenal pasti konstruk yang penting dan menyediakan data untuk perbandingan sistematis (Siti Uzairiah, 2017).

Secara umumnya, strategi analisis data adalah penting. Pada peringkat awal, pengkaji mengkaji semua maklumat secara umum. Kemudian, pengkaji mengurangkan data dengan membina kod/ kategori dan akhirnya, melakukan pengiraan data permulaan. Pendekatan pemetaan kognitif digunakan untuk menstrukturkan idea, data yang kompleks dan bercelaru. Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti konsep membina kod manakala pemetaan kognitif digunakan untuk meneroka hubungan antara konsep (Siti Uzairiah, 2017).

Pencarian menyeluruh di pangkalan data jurnal dilakukan mengenai topik pembelajaran transformasi dan peristiwa pencetus. Kajian-kajian lepas 5 tahun yang lalu disasarkan untuk tinjauan ini. Oleh itu, artikel dipilih antara tahun 2015 hingga 2020 daripada pangkalan data seperti *Elsevier* dan *Scopus*. Terdapat tiga pendekatan yang menjadi perhatian ketika melakukan pencarian artikel. Pendekatan pertama adalah memasukkan kajian yang bersifat empirikal. Kedua, memasukkan kajian yang dilakukan pada sampel pelajar dewasa sebenar. Ketiga, memasukkan topik yang relevan.

■ 5.0 PENEMUAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Fungsi Peristiwa Pencetus

5.1 Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran

Kajian Mezirow (1978) menegaskan bahawa dilema yang sukar mendorong individu untuk menambahkan pengetahuan dan kemahiran. Ini menunjukkan bahawa individu dapat menyelesaikan dilema yang sukar setelah mereka berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Gromark (2019) menyokong pendapat Mezirow (1978) dengan menyatakan bahawa perlawanan dan konflik merupakan syarat semula jadi untuk pembelajaran transformasi dan mengubah identiti individu. Situasi perlawanan dan konflik ini mencetuskan perasaan seperti marah, benci, kecawa, sedih, dendam, tidak puas hati dan iri hati. Ini bermakna apabila perlawanan dan konflik berlaku, identiti individu akan berubah. Apabila individu kalah dalam perlawanan, dia akan berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran.

Kajian Mezirow (1978) dan Gromark (2019) menumpukan perubahan identiti individu. Namun, kajian Thomas & Dommermuth (2020) memfokuskan peristiwa pencetus dalam keluarga. Menurut mereka, para penyelidik telah lama menumpukan peranan peristiwa keluarga dalam rumah tangga sebagai pencetus perpindahan. Ini menunjukkan peristiwa pencetus yang dialami oleh individu dan keluarga memainkan peranan penting untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.

Kajian Toarniczky et.al (2019) menunjukkan dilema yang tidak menyenangkan membentuk hubungan dinamik antara pelajar, fakulti dan institusi. Ini menunjukkan bahawa dilema seperti kegagalan, musibah atau kemalangan menyebabkan individu berasa tidak selesa. Apabila dilema yang tidak menyenangkan bertambah, maka hubungan dinamik antara pelajar, fakulti dan institusi meningkat. Walau bagaimanapun, Djajadi (2015) menegaskan bahawa individu perlu mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran untuk proses pembelajaran berterusan. Kajian Butani et.al (2017) menunjukkan hanya sebahagian kecil daripada guru yang melaporkan keyakinan untuk mengajar. Menurut beliau, kekurangan pendidik yang mahir menjadi halangan yang kerap berlaku dalam pengajaran. Kajian Djajadi (2015) dan Butani et.al (2017) selari dengan Grobe et.al, (2019). Menurut Grobe et.al, (2019), kekurangan kesedaran, pengetahuan, kemampuan dan sumber daya untuk perlindungan infrastruktur kritikal menyebabkan kegagalan. Namun, kajian Pung et.al, (2020) menunjukkan bahawa rangsangan kontekstual dapat mendorong pelancong untuk menafsirkan pengalaman secara reflektif. Menurut mereka, pelancong memperoleh kemahiran, nilai dan pengetahuan. Ini bermakna apabila pengetahuan dan kemahiran individu bertambah, maka pengalaman individu juga bertambah. Justeru, organisasi perlu mengenal pasti peristiwa pencetus individu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.

5.2 Memajukan diri untuk mencapai matlamat hidup

Peristiwa pencetus berfungsi untuk membantu individu memajukan diri demi mencapai matlamat hidup. Kajian Finch et.al (2015) dan Rapanta & Badran (2016) menunjukkan peristiwa pencetus yang positif merupakan prasyarat untuk memajukan diri. Ini menunjukkan bahawa apabila individu mempunyai matlamat yang jelas, maka mereka akan melihat perubahan dengan jelas. Kajian Rapanta & Badran (2016) melibatkan 137 orang pelajar perempuan di Emiriah Arab Bersatu. Intervensi pengajaran perdebatan dilaksanakan dalam dua fasa di sebuah universiti awam di Dubai sebagai tindak balas kepada keperluan untuk memberikan kuasa kepada wanita muda. Seterusnya, mereka boleh menyandang tugas kepimpinan pada masa depan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa hasil intervensi membantu peserta melihat perubahan dengan jelas dan menganggap dirinya sebagai pemimpin. Ini menunjukkan peristiwa pencetus mendorong kemajuan individu untuk mencapai matlamat hidup dalam konteks keberkesanan kepimpinan. Kajian Finch et.al (2015) mengenai pengalaman pendidikan menyumbangkan peningkatan kesediaan dan kebolehkerjaan pelajar di tempat kerja. Menurut mereka, sekolah perniagaan telah menyediakan peluang belajar sepanjang kurikulum. Kajian kes ini menunjukkan bagaimana pembelajaran pengalaman dalam pendidikan pengurusan memudahkan penglibatan dan pembelajaran emosi. Hasil kajian mendapati orientasi matlamat pelajar memainkan peranan penting dalam meramalkan tindak balas emosi

dan peraturan. Pada akhirnya, pelajar mencapai prestasi dalam persekitaran pembelajaran yang berpengalaman. Namun, Finch et.al (2015) menegaskan bahawa saling bergantung dalam pembelajaran berdasarkan pengalaman berpasukan adalah pencetus emosi negatif. Oleh itu, kajian mereka memfokuskan bagaimana pelajar belajar mengatur dan menyesuaikan diri dengan emosi negatif sambil mengekalkan tumpuan kepada prestasi.

Walau bagaimanapun, kajian Mezirow (1977) menumpukan dilema yang sukar membantu kemajuan individu. Kajian Ramanath (2016) selari dengan Mezirow (1977). Ramanath (2016) menjalankan kajian mengenai bagaimana seratus dua puluh orang wanita menguruskan gangguan yang besar terhadap kehidupan mereka di Mumbai, India. Wanita-wanita menyesuaikan kembali kehidupan mereka di persekitaran baru tanpa arahan dari NGO, agensi kerajaan, atau pemaju swasta. Hasil kajian mendapati wanita memahami dan mengaplikasikan empat strategi dalam penilaian positif. Empat strategi tersebut adalah mata pencarian mereka, perubahan radikal, langkah-langkah tambahan, dan pengekangan. Strategi tersebut bergantung kepada faktor usia, status perkahwinan, jangka waktu, keluarga, pengalaman kerja masa lalu, pendidikan, etnik dan agama. Ramanath (2016) menyatakan bahawa wanita berusaha mempengaruhi orang lain mempertimbangkan visi alternatif dalam kehidupan setelah mereka memahami lingkungan dan keadaan barunya. Ini bermakna dilema yang sukar mendorong individu memajukan diri. Ini menunjukkan peristiwa pencetus yang baik atau buruk mempengaruhi perubahan individu.

5.3 Mengubah tindak balas emosi individu

Peristiwa pencetus berfungsi untuk mengubah tindak balas emosi individu. Kajian Abu Hassan, N., & Abd. Hamid, M. A., (2017) menunjukkan bahawa peristiwa pencetus menyebabkan transformasi bekas penagih dadah dan individu kembali kepada fitrah mengubah tingkah laku, emosi, fizikal dan kognitif. Kajian tersebut selari dengan kajian Hall & Mitchell (2017). Menurut Hall & Mitchell (2017) kaedah kreatif yang berbeza sebagai pencetus dalam pembelajaran peserta dari segi tindak balas emosi peserta. Seterusnya, kajian Weaver et.al, (2020) mendapati nilai budaya membentuk transformasi kreatif melalui wajah dan sikap. Thomas & Dommermuth (2020) menyatakan bahawa peristiwa dalam kehidupan menyebabkan keperluan sokongan meningkat. Beberapa kajian lepas juga memfokuskan tindak balas emosi individu. Antaranya, Pung et.al, (2020) menyatakan bahawa keterbatasan, kejutan dan cabaran mendorong pelancang mentafsir pengalaman secara reflektif. Kajian Pung et.al, (2020) selari dengan kajian Ulusory (2016). Beliau menyatakan bahawa pengalaman kepercayaan dan kesedaran menjadi peristiwa pencetus untuk mengubah pelajar dewasa. Namun, kajian Fu et.al, (2015) tidak selaras dengan Pung et.al, (2020). Fu et.al, (2015) menegaskan bahawa keadaan minda sebelum perjalanan, penyertaan aktiviti dan persekitaran perkhidmatan mencetuskan transformasi peribadi. Ini bermakna emosi individu menjadi tenang dan tenteram apabila mereka menyedari dan menyesuaikan diri dalam situasi baru. Apabila peristiwa pencetus membawa refleksi positif dengan berkesan, individu cenderung menunjukkan perubahan emosi positif.

5.4 Mengubah pemikiran individu

Kajian Gosnell et.al, (2019) menunjukkan maklum balas positif melalui inovasi, teknologi, dasar, pendidikan dan jangkauan mengubah pemikiran petani. Berbeza dengan Abu Hassan, N., & Abd. Hamid, M. A, (2017) dan Nusantara, W., & Moedzakir, M., (2015), mereka menumpukan skema makna negatif dibuang mendorong proses transformasi individu. Menurut Nusantara, W., & Moedzakir, M., (2015), trauma seperti kecelakaan dan takut menjadi peristiwa pencetus dalam kalangan orang tua. Ini bermakna apabila pola pemikiran orang tua berubah, bakat dan minat anak dicungkil. Selain itu, motivasi spiritual dan perlindungan mengubah tanggapan orang tua. Skema makna negatif yang dibuang menjadi satu faktor mendorong perubahan individu. Informal (Abu Hassan, N., & Abd. Hamid, M. A. (2017) ialah bekas penagih dadah, sementara informal (Nusantara, W., & Moedzakir, M., 2015) ialah warga tua. Hal ini menunjukkan bahawa peranan peristiwa pencetus sangat penting untuk mentransformasikan pemikiran individu. Elemen penting untuk perubahan adalah apabila individu membuang skema makna yang negatif (Abu Hassan, N., & Abd. Hamid, M. A., 2017). Oleh itu, skema makna negatif perlu dibuang manakala skema makna positif perlu dikukuhkan. Apabila skema makna negatif seperti kecelakaan dan perasaan takut dibuang, maka individu

lebih yakin pada diri sendiri. Justeru, peristiwa pencetus memainkan peranan penting untuk mengubah pemikiran individu daripada negatif kepada positif.

Situasi Berlakunya Peristiwa Pencetus

Istilah ‘analisis’ bermaksud penghuraian sesuatu perkara untuk mengetahui buruk baiknya. Definisi situasi ialah suasana yang meliputi sesuatu masa atau keadaan seperti peristiwa. Situasi juga merujuk kepada keadaan, kedudukan atau suasana sesuatu perkara. Justeru, analisis situasi bererti penghuraian sesuatu perkara dalam konteks suasana, keadaan, kedudukan seperti peristiwa untuk mengetahui buruk atau baik. Setiap individu menghadapi situasi yang berlainan kerana masing-masing mempunyai latar belakang dan cara hidup tersendiri. Analisis situasi membawa maksud apa yang berlaku dalam situasi sebenar dan apa perkara yang penting. Secara umumnya, setiap orang mengalami situasi yang berlainan kerana persekitaran adalah berbeza seperti kematian, perpisahan, kemiskinan, kebuluran dan kesengsaraan hidup. Walaupun situasi berlainan, tetapi perkara yang penting dalam situasi ialah individu mengubah dan menganalisis situasi. Sehubungan dengan itu, bagaimana manusia menganalisis situasi adalah lebih penting. Keadah analisis situasi seperti merenung, mentafsir, berfikir, mengambil tindakan susulan dan keputusan tepat untuk mengatasi masalah. Seterusnya, kaedah analisis akan membawa kesan seperti kesan menilai, kesan mentafsir sama ada tindakan betul atau tidak. Oleh itu, tindakan susulan adalah sangat penting untuk melihat keberkesanannya.

Secara amnya, peristiwa pencetus berlaku dalam situasi seperti tenang, marah, sedih atau gembira. Situasi ini mendorong individu untuk mentafsir, berfikir dan menganalisis. Selanjutnya, memberikan kesan untuk diri dan orang lain. Kajian Ivaldi et.al (2018) menunjukkan bahawa peserta mengembangkan transformasi dalam situasi kolektif. Mereka menyatakan bahawa motif dan krisis daripada aktiviti kehidupan menjadi peristiwa pencetus yang perlu diberikan fokus. Langkah awal pembelajaran adalah menyoal dan menganalisis situasi. Ini menunjukkan individu perlu menganalisis situasi sama ada tenang, marah, sedih atau gembira apabila berlakunya peristiwa pencetus.

Kajian Mezirow (1978) memfokuskan dilema yang sukar mendorong pembangunan individu. Ini bermakna peristiwa pencetus berlaku apabila individu berada dalam situasi sedih, risau, dan tidak tenang. Sejajar dengan pendapat Mezirow (1978), Gromark (2019) mendapati apabila individu mengalami konflik dan perlawanan dan konflik, maka individu itu akan mengubah identiti sendiri. Ini menunjukkan konflik berlaku selepas sesuatu perlawanan. Peristiwa pencetus berlaku apabila individu berada dalam situasi seperti marah, benci, kecewa, sedih, dendam, tidak puas hati dan iri hati. Ini bermakna apabila individu kalah dalam perlawanan, dia akan berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Namun, kajian Thomas & Dommermuth (2020) memfokuskan peristiwa pencetus dalam keluarga sebagai pencetus perpindahan. Ini menunjukkan konflik dalam keluarga akan menimbulkan situasi seperti marah, bergaduh, tidak gembira sehingga berlakunya perubahan dalam kehidupan.

Selanjutnya, Kajian Toarniczky et.al (2019) juga mendapati peristiwa pencetus berlaku apabila individu menghadapi dilema yang tidak menyenangkan. Namun, mereka menyatakan bahawa dilema yang sukar membentuk hubungan dinamik dalam organisasi. Kajian Hall & Mitchell (2017) menunjukkan peristiwa pencetus berlaku apabila individu berada dalam situasi gembira, tenang dan seronok. Situasi tersebut telah membantu individu dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Walau bagaimanapun, Pung et.al, (2020) menyatakan bahawa peristiwa pencetus berlaku apabila individu terkejut, tidak tenteram dan menghadapi cabaran. Berbeza dengan pendapat Pung et.al, (2020), Fu et.al, (2015) menyatakan peristiwa pencetus berlaku dalam situasi yang tenang sebelum perjalanan, penyertaan aktiviti dan persekitaran perkhidmatan. Ini bermakna situasi yang tenang boleh berlaku sebelum, semasa dan selepas peristiwa pencetus. Kajian Gosnell et.al, (2019) menunjukkan peristiwa pencetus berlaku dalam situasi positif seperti keadaan baik dan mencapai prestasi. Namun, Kajian Abu Hassan, N., & Abd. Hamid, M. A, (2017) dan Nusantara, W., & Moedzakir, M., (2015) menyatakan bahawa peristiwa pencetus berlaku dalam situasi sedih, takut, trauma dan sukar. Skema makna negatif perlu dibuang untuk perubahan individu.

Perbincangan dan Cadangan

Berdasarkan kajian-kajian lepas, dapat dilihat bahawa setiap individu akan mengalami peristiwa pencetus berdasarkan kehidupan dan latar belakang yang berlainan. Namun, setiap manusia mempunyai perasaan seperti gembira, marah, kecewa, bersalah, sedih dan takut mengikut sesuatu keadaan tertentu. Biasanya, individu berasa marah ketika mengalami situasi yang tidak adil. Gromark (2019) menegaskan bahawa perlawan dan konflik merupakan syarat semula jadi untuk pembelajaran transformasi dan mengubah identiti individu. Jika individu gagal dalam mencapai objektif, maka individu tersebut akan berasa kecewa. Selain itu, individu berasa sedih apabila berasa kehilangan sesuatu seperti kehilangan orang tersayang. Kajian Thomas & Dommermuth (2020) memfokuskan peristiwa pencetus dalam keluarga sebagai pencetus perpindahan. Dalam keadaan yang sedih, individu akan menangis untuk meluahkan perasaan. Kemudian, memeriksa dan cuba menyesuaikan diri supaya dapat mengubah situasi demi meneruskan kehidupan yang baru.

Sehubungan dengan itu, individu yang melakukan kesilapan akan berasa bersalah dan menyesal. Kajian Abu Hassan, N., & Abd. Hamid, M. A, (2017) dan Nusantara, W., & Moedzakir, M., (2015) memfokuskan individu yang telah melakukan kesilapan berasa bersalah dan menyesal. Dalam konteks ini, individu akan memeriksa diri semula untuk belajar daripada kesilapan yang telah dilakukannya. Oleh itu, individu perlu mengakui bahawa dirinya bersalah untuk memperbaiki diri supaya tidak mengulangi kesalahan lalu. Bagi individu yang berada dalam keadaan takut atau fobia, individu tersebut perlu berusaha untuk meningkatkan motivasi kendiri. Individu perlu berjumpa dengan pakar psikologi jika masalah forbida tidak dapat diatasi. Justeru, perasaan menjadi mesej penting kepada hati dan anggota badan individu untuk mentafsir, menilai, memeriksa sesuatu hal secara teliti sebelum mengambil tindakan susulan dan keputusan sewajarnya.

Pada akhirnya, individu akan mendapati hanya dirinya yang dapat mengubati luka sendiri. Jika individu tidak dapat mengubah seseuatu keadaan, maka dia harus mengubah diri sendiri seperti mengubah sikapnya daripada malas kepada rajin, nescaya dia akan memperoleh kejayaan. Dalam konteks ini, individu perlu berani menerima hakikat kegagalan, mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan, berfikir dan mencuba lagi sehingga berjaya. Sebaliknya, individu yang berputus asa telah menutup pintu untuk mencuba lagi. Jelaslah, sikap yang buruk seperti malas, risau, kecewa dan tidak ada arah tuju menjadi halangan kepada individu untuk mengubah situasi dan menyesuaikan diri dalam kehidupan baru.

Sejajar dengan itu, setiap individu perlu melihat permasalahan, kemelut, kesusahan dan cabaran sebagai peluang positif untuk mencapai matlamat kehidupan yang lebih baik. Setiap individu perlu mengelakkan diri daripada sikap buruk seperti marah, iri hati, lambat bertindak dan malas berfikir. Sikap buruk ini akan menghalang individu mencapai matlamat hidup. Untuk berjaya, individu perlu mempunyai sikap positif seperti gembira, keyakinan, tabiat baik, rajin, belajar sepanjang hayat, bertenang untuk mengawal perasaan, bertanggungjawab terhadap kegagalan, mencuba perkara baru, belajar daripada kegagalan, bijak merancang, mengurus masa dengan baik dan merapatkan diri dengan tuhan.

Setiap individu mengalami peristiwa pencetus dalam kehidupan. Dilema yang sukar berlaku dalam kehidupan individu (Mezirow, 1977). Pembelajaran transformasi membantu individu dari aspek pembelajaran, pengetahuan dan pengalaman baru (Mezirow, 1991). Peristiwa pencetus akan mendorong individu menganalisis peristiwa yang sukar secara kritikal. Seterusnya, analisis kritikal akan memberikan kesan yang mendalam kepada perubahan individu. Oleh itu, peranan peristiwa pencetus adalah penting untuk membantu individu memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang luas. Peristiwa yang sedih dan pahit mencetuskan perubahan individu untuk menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Seterusnya, individu dapat menyesuaikan diri dalam kehidupan baru.

Oleh hal demikian, individu perlu melihat peranan peristiwa pencetus sebagai peluang untuk membangunkan dan memajukan diri daripada situasi buruk kepada situasi baik. Peristiwa pencetus membantu individu memiliki keyakinan, keberanian dan semangat terkobar-kobar. Secara ringkasnya, setiap individu berpeluang untuk belajar daripada kesusahan, kegagalan dan keperitan. Namun begitu, individu harus menyedari, membaiki dan menangani masalah setelah mengenal pasti fungsi dan situasi berlakunya peristiwa pencetus. Elemen perkara pencetus akan membawa perubahan dalam kehidupan seseorang ke arah yang lebih baik.

■ 6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pembelajaran transformasi yang berkesan penting untuk membantu individu untuk berubah menjadi lebih baik. Walau bagaimanapun, penemuan daripada kajian-kajian lepas tidak memberikan ketekalan antara pembelajaran transformasi dan peristiwa pencetus. Kebanyakan kajian lepas mendapati bahawa peristiwa pencetus sangat mempengaruhi pembelajaran transformasi, sementara sebahagian kecil mendapati peristiwa pencetus tidak mendorong pembelajaran transformasi individu. Hal ini telah memberi kesedaran kepada pengkaji untuk menjalankan penyelidikan dengan lebih lanjut mengenai peranan peristiwa pencetus dalam kajian pembelajaran transformatif dalam pelbagai konteks. Dijangkakan bahawa penemuan daripada kajian empirikal masa depan akan dapat memberi input kepada pelbagai pihak dalam memahami dan bertindakbalas dengan peristiwa pencetus dengan berkesan untuk melaksanakan proses pembelajaran transformasi. Adalah disarankan agar kajian masa depan memberi penekanan mengenai peranan peristiwa pencetus dalam kajian pembelajaran transformatif dalam pelbagai konteks dan situasi lain seperti dalam organisasi bukan kerajaan, organisasi keselamatan dan beruniform, institusi kesukarelawan, warga tua dan sebagainya.

Rujukan

- Abu Hassan, N., & Abd. Hamid, M. A. (2017). Kepentingan Peristiwa Pencetus Dalam Transformasi Perspektif Bekas Penagih Dadah. *Sains Humanika*, 9(1–5), 93–99. <https://doi.org/10.11113/sh.v9n1-5.1182>
- Brewer, J. F., Molton, K., Alden, R., & Guenther, C. (2017). Accountability, transformative learning, and alternate futures for New England groundfish catch shares. *Marine Policy*, 80, 113–122. <https://doi.org/10.1016/j.marpol.2016.09.015>
- Brown, C., Willett, J., Goldfine, R., & Goldfine, B. (2018). Sport management internships: Recommendations for improving upon experiential learning. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport and Tourism Education*, 22(February), 75–81. <https://doi.org/10.1016/j.jhlste.2018.02.001>
- Butani, L., Bannister, S. L., Rubin, A., & Forbes, K. L. (2017). How Educators Conceptualize and Teach Reflective Practice: A Survey of North American Pediatric Medical Educators. *Academic Pediatrics*, 17(3), 303–309. <https://doi.org/10.1016/j.acap.2016.12.008>
- Djajadi, M. (2015). *Proses Pembelajaran Berterusan Dalam Peningkatan Kompetensi Guru Fizik Di Makassar Indonesia*. (April), 393. <https://doi.org/https://doi.org/10.13140/rg.2.2.16035.30242>
- Finch, D., Peacock, M., Lazdowski, D., & Hwang, M. (2015). Managing emotions: A case study exploring the relationship between experiential learning, emotions, and student performance. *International Journal of Management Education*, 13(1), 23–36. <https://doi.org/10.1016/j.ijme.2014.12.001>
- Fu, X., Tanyatanaboon, M., & Lehto, X. Y. (2015). Conceptualizing transformative guest experience at retreat centers. *International Journal of Hospitality Management*, 49, 83–92. <https://doi.org/10.1016/j.ijhm.2015.06.004>
- Gosnell, H., Gill, N., & Voyer, M. (2019). Transformational adaptation on the farm: Processes of change and persistence in transitions to ‘climate-smart’ regenerative agriculture. *Global Environmental Change*, 59(November), 101965. <https://doi.org/10.1016/j.gloenvcha.2019.101965>
- Gromark, J. (2019). Brand orientation in action – A transformational learning intervention. *Journal of Business Research*, (January), 1–11. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2019.10.058>
- Grobe, C., & Olausson, P. M. (2019). Blind spots in interaction between actors in Swedish planning for critical infrastructure protection. *Safety Science*, 118(September 2018), 424–434. <https://doi.org/10.1016/j.ssci.2019.05.049>
- Guimaraes, L. F., & Miguez, M. G. (2020). Supporting decision-making on urban flood control alternatives through a recovery deficit procedure for successive events. *Journal of Flood Risk Management*, (April 2018), 1–16. <https://doi.org/10.1111/jfr3.12596>
- Hall, J. S., & Mitchell, M. (2017). Educating student midwives around dignity and respect. *Women and Birth*, 30(3), 214–219. <https://doi.org/10.1016/j.wombi.2017.04.007>
- Ivaldi, S., & Scaratti, G. (2018). Narrative and conversational manifestation of contradictions: Social production of knowledge for expansive learning. *Learning, Culture and Social Interaction*, (September), 0–1. <https://doi.org/10.1016/j.lcsi.2018.11.002>
- Mesker, P., Wassink, H., Akkerman, S., & Bakker, C. (2018). Differences that matter: Boundary experiences in student teachers' intercultural learning. *International Journal of Intercultural Relations*, 64(March), 54–66. <https://doi.org/10.1016/j.ijintrel.2018.04.001>
- Mezirow, J. (1977). Perspective Transformation. *Studies in Adult Education*. <https://doi.org/10.1080/02660830.1977.11730750>
- Mezirow, J. (1978). Perspective Transformation. *Adult Education*, 2 (2), 100–110.
- Mezirow, J. (1981). A critical theory of adult learning and education. *Adult Education Quarterly*, 32(3), 3–24.
- Mezirow, J. (1985). *A Critical Theory of Self-Directed Learning*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mezirow, J. (1991). *Transformative Learning of Adult Learning*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mezirow, J. (1992). Transformation theory: Critique and confusion. *Adult Education Quarterly*.

- <https://doi.org/10.1177/074171369204200404>
- Mezirow, J. (2000). *Learning as Transformation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Nusantara, W., & Moedzakir, M. (2015). Pembelajaran Transformatif Pada Kegiatan Pendampingan Anak Jalanan Di Kota Malang. *Jurnal Pendidikan Dan Pembelajaran Universitas Negeri Malang*, 22(1), 39–51.
- Pata, K., Santos, P., & Burchert, J. (2016). Social recognition provision patterns in professional Q&A forums in Healthcare and Construction. *Computers in Human Behavior*, 55, 571–583. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2015.06.046>
- Pung, J. M., Gnoth, J., & Del Chiappa, G. (2020). Tourist transformation: Towards a conceptual model. *Annals of Tourism Research*, 81(February). <https://doi.org/10.1016/j.annals.2020.102885>
- Putri, R. (2016). Journal of Non-Formal Education and. *Journal of Nonformal Education and Community Empowerment*, 5(1), 9–15.
- Ramanath, R. (2016). Defying NGO-ization?: Lessons in Livelihood Resilience Observed Among Involuntarily Displaced Women in Mumbai, India. *World Development*, 84, 1–17. <https://doi.org/10.1016/j.worlddev.2016.04.007>
- Rapanta, C., & Badran, D. (2016). Supporting Emirati females leadership skills through teaching them how to debate: Design, assessment, and considerations. *International Journal of Management Education*, 14(2), 133–145. <https://doi.org/10.1016/j.ijme.2016.03.004>
- Ristea, A., Al Boni, M., Resch, B., Gerber, M. S., & Leitner, M. (2020). Spatial crime distribution and prediction for sporting events using social media. *International Journal of Geographical Information Science*, 00(00), 1–32. <https://doi.org/10.1080/13658816.2020.1719495>
- Roth, W. M. (2015). The role of soci(et)al relations in a technology-rich teaching | learning setting: The case of professional development of airline pilots. *Learning, Culture and Social Interaction*, 7, 43–58. <https://doi.org/10.1016/j.lcsi.2015.07.001>
- Sánchez, L. E., & Mitchell, R. (2017). Conceptualizing impact assessment as a learning process. *Environmental Impact Assessment Review*, 62, 195–204. <https://doi.org/10.1016/j.eiar.2016.06.001>
- Sholihin, A. (2019). Key factor keberhasilan transfer of knowledge Pendidikan Agama Islam dalam perspektif keterbukaan Informasi. *Progressa: Journal of Islamic Religious Instruction*, 3(1), 129–136. <https://doi.org/10.32616/pgr.v3.1.172.129-136>
- Silverman & Kelly, L. (2015). *Qualitative Research Methods for Community Development*. New York: Routledge
- Siti Uzairiah (2017). *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher
- Storbacka, K., & Nenonen, S. (2015). Learning with the market: Facilitating market innovation. *Industrial Marketing Management*, 44, 73–82. <https://doi.org/10.1016/j.indmarman.2014.10.009>
- Tamilselvam, S., & Surif, J. (2018). Scenario-Based Learning in Teaching Problem-Solving Models Pembelajaran Berdasarkan Senario dalam Mengajar Model Penyelesaian. *Sains Humanika*, 2, 19–26.
- Thomas, M. J., & Dommermuth, L. (2020). Internal Migration and the Role of Intergenerational Family Ties and Life Events. *Journal of Marriage and Family*. <https://doi.org/10.1111/jomf.12678>
- Toarniczky, A., Matolay, R., & Gáspár, J. (2019). Responsive higher education through transformational practices – The case of a Hungarian business school. *Futures*. <https://doi.org/10.1016/j.futures.2018.09.004>
- Tracey, M. W., & Hutchinson, A. (2016). Uncertainty, reflection, and designer identity development. *Design Studies*, 42, 86–109. <https://doi.org/10.1016/j.destud.2015.10.004>
- Ulusoy, E. (2016). Experiential responsible consumption. *Journal of Business Research*, 69(1), 284–297. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2015.07.041>
- Walker, J., & Ngara Manyamba, V. (2019). Towards an emotion-focused, discomfort-embracing transformative tourism education. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport and Tourism Education*, (January), 100213. <https://doi.org/10.1016/j.jhlste.2019.100213>
- Weaver, D., Tang, C., & Zhao, Y. (2020). Facilitating sustainable tourism by endogenization: China as exemplar. *Annals of Tourism Research*, 81(February), 102890. <https://doi.org/10.1016/j.annals.2020.102890>